



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1983

PERATURAN PERNANTIKAN BAGI MENGISI JAWATAN SETIAUSAHA SULIT KANAN DAN SETIAUSAHA SULIT KEPADA Y.B. MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI

Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menerangkan peraturan-peraturan dan dasar baru bagi mengisi jawatan Setiausaha Sulit Kanan dan Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri/Timbalan Menteri.

2. Taraf Jawatan Setiausaha Sulit Kanan

2.1 Adalah dimaklumkan bahawa jawatan bagi Setiausaha Sulit Kanan ditukarkan kepada taraf jawatan terbuka. Walau bagaimanapun, penyusunan dan bilangan pegawai dan kakitangan bagi pejabat Y.B. Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik adalah seperti yang diumumkan mengikut [Surat Pekeliling Bil. 7 Tahun 1982](#).

3. Peraturan bagi Melantik Setiausaha Sulit Kanan

3.1 Untuk melicinkan urusan perlantikan Setiausaha Sulit Kanan, cara-cara dibawah ini boleh diikuti:

- (i) Kementerian yang berkenaan mengemukakan nama calon yang layak kepada Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri yang sedang berkhidmat di Kementerian tersebut;
- (ii) Jika urusan seperti dalam perenggan kecil (i) di atas tidak dapat dilaksanakan, atas permintaan Kementerian berkenaan, Jabatan Perkhidmatan Awam akan menghantar senarai nama-nama calon yang layak bagi pemilihan Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri tersebut; atau
- (iii) Y.B. Menteri dan Y.B. Timbalan Menteri boleh membuat pemilihan calon masing-masing.

3.2 Skim Perkhidmatan bagi Setiausaha Sulit Kanan kepada Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri adalah seperti dalam [Lampiran "A"](#).

4. Peraturan bagi Melantik Setiausaha Sulit

4.1 Peraturan bagi melantik Setiausaha Sulit adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian akan merancangkan nama calon yang sesuai dan layak kepada Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri; atau
- (ii) Jika cara di dalam perenggan kecil (i) itu tidak dapat dilaksanakan, Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri boleh memilih calon masing-masing, di mana nama calon yang dipersetujui oleh Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri itu hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam oleh Kementerian berkenaan.

4.2 Skim perkhidmatan bagi Setiausaha Sulit adalah seperti dalam [Lampiran "B"](#).

5. Cara Perlantikan dan Kelonggaran Syarat bagi Setiausaha Sulit Kanan dan Setiausaha Sulit

5.1 Perlantikan Setiausaha Sulit Kanan dan Setiausaha Sulit hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai perkhidmatan Kerajaan dan pengisian jawatan tersebut hanyalah boleh dibuat secara TUKAR SEMENTARA sahaja. Urusan perlantikan adalah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

5.2 Walau bagaimanapun, calon-calon yang tidak memenuhi syarat skim perkhidmatan atau calon-calon yang bukan dari perkhidmatan Kerajaan, urusan perlantikan Setiausaha Sulit Kanan dan Setiausaha Sulit hanyalah boleh dibuat setelah mendapat persetujuan Y.A.B. Perdana Menteri. Mana-mana calon yang akan dilantik secara kontrak atau tidak memenuhi syarat-syarat perlantikan mengikut skim perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan atau syarat-syarat kontrak yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. Tarikh Kuatkuasa

6.1 Surat Pekeliling ini mulai berkuatkuasa pada tarikh pengeluarannya.

6.2 Kementerian adalah diminta untuk mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peraturan perlantikan Setiausaha Sulit Kanan dan Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri diikuti.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH),
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

13hb. September, 1983.

Y.B. Ketua Setiausaha Negara.
Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kuala Lumpur.

LAMPIRAN "A"

SKIM PERKHIDMATAN SETIAUSAHA SULIT KANAN

(KEPADА MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI)

TARIKH KUATKUASA: 1hb September, 1983

KUMPULAN: "A"

Tingkatan		Tangga
Setiausaha Sulit Kanan (Untuk Menteri)	A11:	\$2,095 x 100-2,595
Setiausaha Sulit Kanan (Untuk Timbalan Menteri)	A12:	\$2,095 x 100-2,495

1. Jawatan Setiausaha Sulit Kanan adalah jawatan terbuka
 2. Calon-calon bagi lantikan hendaklah pegawai-pegawai dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan seperti berikut:

2.1.1 Setiausaha Sulit Kanan A11: \$2,095 x 100-2,595 Untuk Mentor

- (a) Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, dan

(b) disahkan dalam jawatan

TANGGAGAJI DAN KELAYAKAN MASUK

2.1.2 Setiausaha Sulit Kanan A12: \$2,095 x 100-2,495 Untuk Timbalan Menteri

- (a) Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti universiti Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, dan

(b) disahkan dalam iawatan.

2.1.3. Calon-calon yang dipilih akan ditawarkan syarat-

syarat pertukaran sementara.

3. Permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada PERMOHONAN Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.
4. Setiausaha Sulit Kanan boleh ditugaskan berkhidmat di mana- TEMPAT mana tempat seperti yang diarahkan oleh Kerajaan dan mereka akan BERKHIDMAT terus tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan Kerajaan dan akan balik ke perkhidmatan asalnya apabila tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Setiausaha Sulit Kanan.

LAMPIRAN "B"

SKIM PERKHIDMATAN SETIAUSAHA SULIT

(KEPADА MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA)

TARIKH KUATKUASA: 1hb September, 1983

KUMPULAN: "A"

Tingkatan

Tanggagaji

Setiausaha Sulit

A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240

1. Jawatan Setiausaha Sulit adalah jawatan terbuka.
 2. Calon-calon bagi lantikan hendaklah pegawai-pegawai dalam KELAYAKAN MASUK perkhidmatan dan memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Pegawai-pegawai sedang berkhidmat sekurang-kurangnya dalam Kumpulan C dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan, dan
 - (b) disahkan dalam jawatan.adalah layak dipertimbangkan bagi pertukaran sementara ke jawatan Setiausaha Sulit.
 3. Permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada PERMOHONAN Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.
 4. Calon-calon yang dipilih akan ditawarkan syarat-syarat pertukaran sementara.
 5. Setiausaha Sulit boleh ditugaskan berkhidmat di tempat mana-mana tempat seperti yang diarahkan oleh berkhidmat Kerajaan TEMPAT BERKHIDMATA

dan mereka akan terus tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan Kerajaan dan akan balik ke perkhidmatan asalnya apabila tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Setiausaha Sulit.